

238
6/79
6

Y.B. Tun Dr. Hassan Ali Shah,
Menteri Pelajaran dan Istiqlal,
Serdang, Kuala Lumpur.

Pada masa, saya bersempena bagi saya
untuk mengucapkan selamat kepada

UCAPAN RENGGAS YAB DATUK HUSSEIN OMI,

PENANGKUH PERDANA MENTERI DALAM MAJLIS

PERPISAHAN ANJURAN PEGAWAI-PEGAWAI

KEMENTERIAN PELAJARAN DI DEWAN BAHASA

DAN PUSTAKA PADA HARI SABTU, 15/9

SEPTEMBER, 1973 JAM 8.30 MALAM.

... dan dengan harapan semoga
... dan dengan harapan semoga

Y.B. Tuan Haji Mohamad Yaakob,
Menteri Pelajaran dan Istari,

Saudara serta Saudari sekalian,

Pada mulanya, agak berat juga bagi saya untuk menerima undangan ke Majlis pada malam ini oleh sebab ia diifatkan sebagai Majlis Perpisahan.

2. Pada saya, tidak ada perpisahan antara kita semua, yang ada ialah perpisahan tugas.

3. Namun demikian, saya menerima undangan ini dengan sikap untuk dapat bertemu dengan saudara-saudara sekalian iaitu pegawai-pegawai Kementerian guna mengucapkan terimakasih di atas segala kerjasama yang telah saya terima semasa menjalankan tugas, dan dengan harapan supaya

kerjasama yang lebih erat dapat diberikan kepada Menteri Pelajaran yang baru, Y.B. Tuan Haji Mohamed Yacob.

4. Pernah saya menyatakan bahawa tugas di Kementerian Pelajaran adalah satu perkara yang sangat mendalam di jiwa saya, oleh sebab, di situlah saya mula bertapak dalam Kerajaan dan di situlah pula tempat saya mendapat pengalaman baru dalam urusan-urusan Kerajaan selepas Merdeka.

5. Kenangan-kenangan manis dan kadangkala pahit ketika menghadapi masalah-masalah masyarakat dan negara tidak dapat saya melupakannya semesekali bahkan segala pengalaman yang telah saya jalani itu mempunyai tempat yang istimewa

dalam ingatan dan lubuk hati saya.

6. Meskipun saya memegang tugas baru, saya percaya masalah pelajaran tidak akan dapat saya tinggalkan sama sekali oleh sebab dari masa ke masa masalah ini tentu berbangkit dan dengan cara ini dapat saya mengikuti akan perkembangannya dari masa ke masa.

7. Dalam pada itu, saya berharap supaya tiap-tiap pegawai senantiasa memberikan khidmat dengan penuh dedikasi, dengan semangat bahwa kita adalah golongan yang turut mencipta sejarah dalam bidang pendidikan buat masa ini dan untuk masa depan. Jadikanlah khidmat saudara sebagai satu sumbangan yang berguna untuk negara dan masyarakat.

... masalah pelajaran ini sebagai masa politik,

8. Masalah pelajaran telah dapat kita asaskan pada kedudukan yang kukuh dan saya yakin perlaksanaan bagi semua dasar ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

9. Pelajaran memanglah satu perkara yang sangat penting bagi sesebuah negara yang membangun seperti Malaysia, lebih-lebih lagi dalam masyarakat yang berbilang bangsa. Dan oleh sebab kita mewarisi satu sistem pelajaran di bawah kuasa penjajahan, maka proses mengubah kepada konsep pelajaran Kebangsaan menghadapi berbagai soal dan juga tentangan.

10. Sekalipun demikian, hal ini telah dapat kita atasi dan sekiranya ahli-ahli politik terutama dalam parti pembangkang tidak menjadikan masalah pelajaran ini sebagai issue politik,

maka kita pasti dapat menyelesaikannya dengan mudah tanpa menfabulkan kerumitan.

11. Dalam pada itu, saudara-saudara juga patut ingat bahwa tugas yang menghadapi kita, tiap-tiap seorang dari saudara adalah berat. Ia memerlukan sikap penilaian dan pelaksanaan yang berhati-hati oleh sebab setiap langkah yang kita jalankan pada masa ini hanya akan mendatangkan hasil beberapa tahun yang akan datang. Tetapi saya yakin, semuanya ini, akan dapat kita hadapi dengan penuh tabah supaya negara kita dapat mencapai kemajuan yang bertambah-tambah.

12. Untuk menuju kepada pelaksanaan yang benar-benar 'ideal' dan lengkap, tentulah diperlukan penyelidikan dan 'research' yang mendalam.

Saudara-saudara sekalian,

12. Perkembangan pelajaran di negara kita berjalan dengan pesat sekali. Banyak laporan-laporan yang telah dibuat semenjak tamatnya Perang Dunia Kedua hinggalah selepas Merdeka. Ini menjadikannya satu hal yang menjadi perhatian pada setiap masa.

13. Lebih-lebih lagi dasar pelajaran kebangsaan yang berjalan sekarang bukan saja bertujuan untuk mendidik kanak-kanak, tetapi juga menuju kepada terciptanya satu bangsa Malaysia yang tulia.

14. Untuk menuju kepada pelaksanaan yang benar-benar 'ideal' dan lengkap, tentulah memerlukan penyelidikan dan 'research' yang mendalam.

15. Saya percaya dan Kerajaan juga tentu menggalakkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan khasnya di Kementerian ini membuat penyelidikan atas daya usaha sendiri supaya dapat memberi sumbangan idea kepada Kerajaan.

16. Saya ingat di zaman colonial dulu, pegawai-pegawai baik dari 'Education Service' mahupun dalam 'Administrative Service' menjalankan penyelidikan dan menulis buku untuk kegunaan Kerajaannya dan orang ramai.


17. Saya yakin kita tidak kurang dengan pegawai-pegawai yang berkebolehan serta 'research-oriented' untuk mencari bahan bagi panduan di masa depan.

dari Kementerian ini -

18. Dengan galakan tertentu, mereka boleh menulis sebagai satu sumbangan khas di samping tugas mereka yang tertentu.

19. Kerajaan memerlukan idea-idea dan menghargakan inisiatif sekalipun dari pegawai-pegawai muda.

20. Dengan ini, saya mengakhiri kata dengan mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada penganjur jamuan majlis malam ini atas ingatan dan kenangan terhadap kasi berduka, serta juga atas bantuan serta kerjanya yang dibagikan kepada saya semasa berada di Kementerian ini. Ucapan terimakasih saya sampaikan bagi pihak pegawai saya, Encik Sapriin Muhamad dan Encik Kamarudin yang ikut 'keluar' bersama-sama saya dari Kementerian ini.





No Siri 564
No Penerimaan 76 / 79